

**PENGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN INDIVIDU
BERBANTUKAN KUMPULAN (PIBK) BAGI MENINGKATKAN
PRESTASI MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN
EMPAT DI SMK KOLOMBONG INANAM.**



KATRIE BIN EMING

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

**JUDUL : PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN INDIVIDU
BERBANTUKAN KUMPULAN (PIBK) BAGI MENINGKATKAN
PRESTASI MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN EMPAT
DI SMK KOLOMBONG INANAM.**

SAYA : KATRIE BIN EMING SESI PENGAJIAN : 2005/2006

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian tinggi.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

11

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

11

TIDAK TERHAD

103 Om Om

(KATRIE BIN EMING)

ANITA BINTI ARSAD

PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

()

Alamat Tetap:



(DR. HAMZAH MD. OMAR)

Tarikh : 14 . 02. 2009

Tarikh :

**PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN INDIVIDU
BERBANTUKAN KUMPULAN (PIBK) BAGI MENINGKATKAN
PRESTASI MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN
EMPAT DI SMK KOLOMBONG INANAM.**


KATRIE BIN EMING



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja dan kajian saya sendiri, kecuali nukilan ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



KATRIE BIN EMING
PS05-006(K)-141
29 OKTOBER 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke atas Tuhan yang maha kuasa, kerana dengan izin-Nya, penyelidikan pendidikan ini dapat disiapkan seperti yang dirancang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Mejar Dr. Hamzah Md. Omar atas bimbingan, teguran, nasihat dan panduan yang amat berharga sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan pendidikan ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Dekan, Timbalan Dekan, para pensyarah dan kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Pusat Pascasiswazah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah kerana memberi kerjasama dan bantuan sepanjang saya mengikuti program ini. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, yang telah memberi kebenaran dan kerjasama kepada saya membuat penyelidikan dan rujukan di pusat tersebut bagi menyiapkan laporan ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih ditujukan kepada pengetua dan guru-guru yang terlibat bagi menjayakan penyelidikan ini terutama kepada Encik Awang Kamarul Ariffin dan Puan Yusnita Ligun yang banyak membantu saya dalam kajian ini. Sesungguhnya sumbangan dan bantuan semua pihak amat saya hargai.

Akhir sekali, ucapan terima kasih atas segala dorongan yang diberi oleh Eming Bin Kimson (bapa), Sinip Bte Jangkin (ibu) dan ahli keluarga yang lain. Tidak lupa juga kepada isteri tercinta, Evelyn June Charlie, anak tersayang Asha Ann dan Audrey Jane kerana memberi motivasi untuk menyiapkan kajian ini.


Semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada Yang Maha Kuasa.

Sekian.

ABSTRAK

PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN INDIVIDU BERBANTUKAN KUMPULAN (PIBK) BAGI MENINGKATKAN PRESTASI MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN EMPAT DI SMK KOLOMBONG INANAM.

Kajian ini adalah berdasarkan satu kajian kuasi eksperimen yang telah dijalankan di kalangan pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah yang terletak di daerah Inanam Sabah. Perkara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah ingin mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kekuatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah *Pembelajaran Individu Berbantuan Kumpulan* (PIBK). Kajian ini juga ingin mengenal pasti sama ada penggunaan kaedah PIBK dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Geografi. Sampel kajian ini dipilih daripada dua buah kelas, iaitu pelajar daripada kelas A ialah kumpulan eksperimen dan pelajar daripada kelas B ialah kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diajar mata pelajaran Geografi dengan menggunakan pendekatan PIBK selama enam minggu dan Kumpulan Kawalan pula diajar dengan menggunakan pendekatan biasa. Antara dapatan kajian yang menarik dalam kajian ini ialah penggunaan kaedah PIBK dapat meningkatkan pencapaian pelajar secara signifikan apabila perbandingan skor min ujian pra dengan ujian pasca mempunyai perbezaan yang ketara. Kajian ini juga mendapati pelajar mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan kaedah PIBK bagi pengajaran mata pelajaran Geografi, di mana pelajar bersetuju kaedah PIBK mempunyai kekuatan untuk meningkatkan prestasi akademik mereka.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This research is based on quasi experiment among form four students in one of the school situated in Inanam, Sabah. The focus of this research is to identify the students' perception towards the strength of teaching and learning using Team Assisted Individualization or Team Accelerated Instructional (TAI). This research is to determine whether the use of TAI will improve the students' achievements in Geography subject. The samples of research were from two selected classes. Students from Class A were the experiment group and students in Class B were the control group. Geography subject were taught in both classes. The experiment group was taught using TAI method and the control group was taught based on the traditional approach. There were a few interesting findings. The TAI method had increased the students' achievement significantly and an obvious differences in the min score during pre test and post test. This research shows that students have positive perception towards the usage of TAI in Geography subject. The students agree that TAI method can improve their academic achievement.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

PIBK	Pembelajaran Individu Berbantuan Kumpulan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
STAD	Student Team Achievement Divisions
CIRC	Corporate Integrated Reading and Composition
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	M/S
TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 LATAR BELAKANG	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.4 SOALAN KAJIAN	7
1.5 HIPOTESIS KAJIAN	7
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.7 BATASAN KAJIAN	9
1.8 KERANGKA KONSEPTUAL	10
1.9 DEFINISI OPERASIONAL	11
1.9.1 KAEDAH PIBK	11
1.9.2 PENGURUSAN KAEDAH PIBK	12
1.9.3 KEKUATAN KAEDAH PIBK	13
1.9.4 KAEDAH BIASA	14
1.9.5 PENCAPAIAN PELAJAR	15
1.10 KESIMPULAN	16
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 PENGENALAN	17
2.2 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI	18
2.3 PEMBELAJARAN KOPERATIF	20
2.3.1 KAEDAH LAIN DALAM PEMBELAJARAN KOPERATIF	21
2.3.1.1 KAEDAH JIGSAW II	21
2.3.1.2 KAEDAH STAD	21
2.3.1.3 KAEDAH CIRC	22
2.4 PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GEOGRAFI	23
2.4.1 KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PIBK	28
2.4.2 TATACARA KUMPULAN DALAM KAEDAH PIBK	31
2.4.3 PEMBENTUKAN KUMPULAN	32
2.4.4 PENGENDALIAN KAEDAH PIBK DALAM BILIK DARJAH	33
2.4.5 ELEMEN-ELEMEN DALAM PELAKSANAAN KAEDAH PIBK	38
2.4.6 BELAJAR DALAM KUMPULAN	39
2.4.7 PERANAN GURU	40
2.4.8 UJIAN	40
2.4.9 MARKAH DAN PENGIKTIRAFAN KUMPULAN	41
2.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS	41

2.6	KERANGKA TEORITIKAL	44
2.6.1	TEORI PENGAJARAN	44
2.6.2	TEORI KONSTRUKTIVISME	45
2.7	KESIMPULAN	46

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Persampelan	49
3.3.1	Lokasi Kajian	50
3.3.2	Sampel Kajian	50
3.4	Skop dan Had Kajian	51
3.5	Alat Kajian	52
3.5.1	Ujian Pra	52
3.5.2	Ujian Pasca	53
3.5.3	Soal Selidik	53
3.6	Kajian Rintis	54
3.7	Prosedur Kajian	56
3.8	Pengendalian Data	60
3.9	Kesimpulan	61

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Demografi Responden	63
4.3	Persepsi Pelajar Terhadap Kekuatan PIBK	63
4.4	Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca	65
4.5	Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca	67
4.6	Perbezaan Pencapaian Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	68
4.7	Kesimpulan	69

BAB 5: PERBINCANGAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	70
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	70
5.2.1	Persepsi Pelajar Tentang Kekuatan Kaedah PIBK	70
5.2.2	Prestasi Pelajar Eksperimen Selepas Kajian	74
5.3	Kesan Kaedah PIBK Terhadap Geografi	76
5.4	Cadangan	79
5.5	Kesimpulan	80

BIBLIOGRAFI

81

LAMPIRAN A : JADUAL PENENTUAN SAIZ SAMPEL

LAMPIRAN B : SOAL SELIDIK

LAMPIRAN C : CONTOH RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

LAMPIRAN D : ALAT BANTU DALAM P&P KAEDAH PIBK

LAMPIRAN E : SOALAN UJIAN PRA DAN PASCA

LAMPIRAN F : MARKAH UJIAN PRA DAN PASCA

SENARAI RAJAH

		M/S
RAJAH 1.1	Kerangka konseptual kajian	11
RAJAH 2.1	Kerangka Konsep Tatacara Proses Pembelajaran PIBK	36



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	M/S
JADUAL 1.1 Perbandingan peratusan pelajar lulus bagi setiap mata pelajaran dalam peperiksaan PMR bagi tahun 2005, 2006 dan 2007	4
JADUAL 1.2 Perbandingan bilangan A bagi setiap mata pelajaran dalam peperiksaan PMR bagi tahun 2005, 2006 dan 2007	4
JADUAL 2.1 Perbandingan Pembelajaran kumpulan Kaedah PIBK dengan Kaedah Biasa	29
JADUAL 3.1 Kajian Kuasi-Eksperimental	48
JADUAL 3.2 Pencapaian sampel kajian dalam mata pelajaran Geografi PMR 2007	51
JADUAL 3.3 Kandungan Soal Selidik	54
JADUAL 3.4 Hasil Kajian Rintis Ujian Kemahiran Pelajar (25 Soalan)	55
JADUAL 3.5 Tajuk-tajuk yang akan diajar dalam kajian ini	57
JADUAL 3.6 Langkah-langkah Proses Pengajaran dan Pembelajaran Geografi Kumpulan Eksperimen	58
JADUAL 4.1 Demografi Responden	63
JADUAL 4.2 Persepsi Pelajar Terhadap Kekuatan Kaedah PIBK Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Geografi	63
JADUAL 4.3 Pencapaian Ujian Kumpulan Kawalan	65
JADUAL 4.4 Pencapaian Ujian Kumpulan Eksperimen	66
JADUAL 4.5 Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	67
JADUAL 4.6 Perbezaan Pencapaian Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan Dan Eksperimen	68
JADUAL 4.7 Rumusan Analisis Dapatan Kajian	69

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi mata pelajaran Geografi, adalah bertujuan untuk mentadbir pengajaran dan pembelajaran Geografi agar ilmu Geografi dapat disampaikan kepada pelajar dengan lebih berkesan dan senang diterima oleh pelajar. Ini dapat dijayakan dengan penetapan satu piawaian dan matlamat untuk melaksanakan sesuatu program agar dapat mencapai objektif seperti yang di rancangan (Mahathir Mohammad, 1991). Melalui pembaharuan cara dan idea yang digunakan bagi menyesuaikan bentuk pengajaran dan pembelajaran atau memperbaiki reka bentuk teknologi dalam pendidikan (Abdul Rahman Mohd Saad, 1992) akan dapat meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia setanding dengan negara-negara lain.

Mc Combs (1992) berpendapat pendekatan kaedah pengajaran secara terancang boleh mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Menurut beliau lagi, Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar akan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam konteks ini, pengkaji memberi tumpuan kepada mata pelajaran Geografi sebagai mata pelajaran kajian kerana pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran ini semakin menurun secara mendadak, terutama di sekolah tempat pengkaji melakukan kajian. Impaknya apabila pelajar sukar untuk memperolehi markah yang baik dalam ujian mereka, maka pelajar telah meminggirkan mata

pelajaran ini. Ramai pelajar berpendapat mata pelajaran Geografi sukar dipelajari dan membosankan, lebih-lebih lagi apabila guru gagal dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

Keadaan yang getir seperti ini hendaklah ditangani sebaik mungkin kerana seperti yang diketahui Geografi merupakan ilmu yang menjadi pedoman kepada manusia sejak dahulu lagi. Seperti mana dalam istilah Greek, *Ge* merujuk kepada bumi dan *Garphe* ialah penceritaan tentang bumi. Dengan kata lain Geografi merupakan satu bidang ilmu yang menjadi asas kepada ilmu yang lain. Pengetahuan yang luas dalam bidang Geografi akan melahirkan masyarakat yang menghargai alam semesta agar sentiasa terjaga dan terpelihara. Adalah menjadi tanggungjawab kepada warga pendidik untuk memikirkan bagaimana mata pelajaran Geografi ini dapat disampaikan kepada pelajar secara berkesan supaya tidak menimbulkan rasa bosan kepada pelajar.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba merungkai mengapa masalah seperti ini berlaku ke atas sekolah di mana pengkaji membuat kajian, pengkaji cuba membuat tumpuan terhadap aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru Geografi sebelum ini dan cuba menggunakan kaedah Pembelajaran Individu Berbantuan Kumpulan (PIBK), yang telah diperkenalkan oleh Slavin (1994). Pengkaji ingin mengenal pasti adakah kaedah ini sesuai digunakan bagi mata pelajaran Geografi. Harapan pengkaji agar kaedah PIBK yang digunakan, dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi dan pada masa yang sama pengkaji cuba mendapatkan apakah persepsi pelajar terhadap kaedah PIBK setelah ianya digunakan dalam mata pelajaran Geografi.

Pengkaji menggunakan kaedah PIBK dalam kajian ini kerana memikirkan bahawa setiap kaedah pengajaran lazimnya diamalkan di bilik darjah boleh diklasifikasikan menjadi satu bentuk taksonomi yang dapat memberi gambaran

tentang keberkesanan setiap kaedah itu dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang tertentu.

Walau bagaimanapun, guru merupakan agen penting menyampaikan pengajaran secara berkesan dan dapat mengenal pasti aras pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar. Aras pengajaran yang sesuai bermaksud cara penyampaian pengajaran guru mestilah sesuai dengan kebolehan dan keupayaan pelajar. Jika aras pengajaran guru di tahap yang tinggi, pelajar yang lemah tidak dapat mengikutinya, akhirnya pelajar tersebut akan ketinggalan dan tidak berminat dalam pelajarannya. Apabila aras pengajaran guru pada tahap terlalu rendah menyebabkan pelajar-pelajar yang cerdas pula tidak akan memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru. Ini kerana kumpulan pelajar yang cerdas akan berasa bosan. Situasi ini akan merugikan kumpulan pelajar tersebut. Oleh itu, salah satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah guru perlulah mengumpulkan pelajar dalam beberapa kumpulan. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada pelajar dalam pelbagai kebolehan. Pelajar yang cerdas dapat membimbing pelajar yang lemah atas seliaan guru.

Kaedah PIBK membentuk kumpulan dengan mengumpulkan pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan dalam satu kumpulan. Ini bermakna dalam satu kumpulan terdapat pelajar yang mempunyai tiga tahap penguasaan yang berbeza iaitu pandai, sederhana dan lemah. Oleh yang demikian, pelajar yang pandai akan cuba membimbing pelajar yang lemah dalam kumpulan. Dengan itu, guru akan dapat mengajar dan memberi tumpuan penuh kepada pelajarannya dengan bertindak sebagai pemudah cara dan sumber rujukan kepada pelajar. Guru tidak lagi sekadar memberi syarahan dan pemberi nota semata-mata.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini pengkaji telah mendapati Sekolah Menengah Kolombong Inanam mengalami masalah serius dalam pembelajaran mata pelajaran Geografi. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi semakin merosot. Berdasarkan pencapaian mereka dalam ujian dan peperiksaan yang diduduki oleh pelajar, pencapaian pelajar amat rendah jika dibandingkan dengan mata pelajaran lain. Malahan ada mata pelajaran yang jauh lebih sukar berbanding Geografi memperolehi keputusan yang lebih baik. Kenyataan ini dijelaskan dengan melihat perbandingan peratusan pelajar lulus dan perbandingan bilangan pelajar memperolehi gred A bagi setiap mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2005, 2006 dan 2007. (Lihat jadual 1.1 dan 1.2 di bawah.)

Jadual 1.1: Perbandingan peratusan pelajar lulus bagi setiap mata pelajaran dalam peperiksaan PMR bagi tahun 2005,2006 dan 2007

Tahun /Mp	BM	BI	SEJ	GEO	MAT	SN	KH	PI
2005	92.80	57.22	92.12	83.90	77.30	89.30	90.90	81.30
2006	93.17	59.32	90.20	80.20	81.22	90.90	89.90	80.90
2007	94.08	68.30	96.57	79.33	82.90	91.77	91.90	87.21

Sumber: Laporan akademik, SMK Kolombong Inanam 2008

Jadual 1.2: Perbandingan bilangan gred A bagi setiap mata pelajaran dalam peperiksaan PMR bagi tahun 2005,2006 dan 2007

Tahun /Mp	BM	BI	SEJ	GEO	MAT	SN	KH	PI
2005	40	17	19	17	19	18	20	7
2006	41	19	18	18	20	22	21	9
2007	68	20	37	12	34	32	32	13

Sumber: Laporan akademik, SMK Kolombong Inanam 2008

Jika kita lihat jadual 1.1 dan 1.2 di sebelah didapati pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi telah merosot. Peratus pelajar lulus dari tahun 2005 hingga 2007 telah menurun dengan ketara. Begitu juga bilangan pelajar yang mendapat gred A dalam Geografi juga berkurangan berbanding mata pelajaran lain.

Berdasarkan perbezaan yang ketara seperti ini, pengkaji ingin mengenal pasti mengapa masalah kemerosotan ini berlaku ke atas Geografi di sekolah ini sedangkan hampir semua mata pelajaran yang lain (Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris) menunjukkan peningkatan. Kemerosotan ini bertambah serius pada tahun 2007, di mana Geografi merupakan mata pelajaran yang paling rendah peratus lulus berbanding dengan mata pelajaran lain iaitu hanya 79.33 peratus, malahan pelajar yang mendapat gred A juga paling kurang berbanding mata pelajaran lain iaitu hanya 12 orang. Secara keseluruhannya, Geografi adalah mata pelajaran yang paling rendah pencapaiannya. Oleh itu, pengkaji telah membuat andaian bahawa Geografi menghadapi masalah pengajaran dan pembelajaran yang serius.

Untuk mendapatkan penjelasan keadaan ini, pengkaji telah mendapatkan maklumbalas spontan daripada beberapa orang pelajar. Pengkaji mendapati beberapa perkara berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran antara faktor yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kemerosotan ini. Kebanyakan pelajar memberi komen bahawa mereka tidak dapat menguasai dan memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru, kerana cara guru menyampaikan pengajaran secara sehalu iaitu berpusatkan guru. Didapati guru hanya menggunakan kaedah syarahan untuk menyampaikan fakta, pelajar hanya dikehendaki mendengar dan membuat nota. Pengkaji berpendapat pengajaran dan pembelajaran seperti ini menyukarkan pelajar untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang fakta yang disampaikan oleh guru, terutama pelajar yang mempunyai tahap penguasaan yang rendah.

Di samping itu, pengkaji juga ada membuat temubual kepada beberapa orang guru yang mengajar mata pelajaran Geografi di sekolah ini. Mereka mengakui kesukaran pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Geografi yang dilaksanakan oleh mereka. Alasan yang diberikan ialah kaedah pengajaran Geografi yang sedia ada sudah ketinggalan dan kurang sesuai dengan tuntutan pelajar masa kini. Menurut mereka lagi, kaedah pengajaran yang sedia ada hendaklah dikaji semula. Di samping itu guru-guru juga merungut kerana selama ini mereka tidak pernah dipanggil untuk mengikuti sebarang kursus berkaitan pemantapan dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi. Menyedari akan kelemahan dan kekurangan kaedah yang sedia ada maka pengkaji cuba memperkenalkan kaedah PIBK dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi, dengan harapan akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Dua objektif dalam kajian ini ialah untuk ;

- i. Menenal pasti sama ada kaedah PIBK dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi.
- ii. Menenal pasti persepsi pelajar tentang kaedah PIBK dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Geografi.


1.4 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian yang dibuat maka pengkaji ingin mengemukakan beberapa persoalan kajian seperti di bawah ;

- i. Adakah kaedah PIBK dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi ?
- ii. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap kaedah PIBK dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Geografi?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Menurut Andrea et.al (1998) hipotesis sesebuah kajian mempunyai hubungan dengan soalan kajian, agar kajian tersebut tidak lari dari matlamat yang telah ditetapkan . Oleh itu hipotesis kajian ini adalah seperti di bawah:

- 
- Ha1 Terdapat perbezaan dalam skor min pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen.
- Ha2 Terdapat perbezaan dalam skor min pencapaian ujian pasca antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Geografi merupakan satu bidang ilmu yang cukup penting dalam kehidupan kita. Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan agar mata pelajaran Geografi tidak sekadar mata pelajaran sampingan kepada pelajar. Bagi menjamin mata pelajaran Geografi dapat bersaing dengan mata pelajaran yang lain, diharap

hasil daripada kajian pengkaji ini akan dapat mencari jalan penyelesaian kepada masalah pengajaran dan pembelajaran Geografi. Kaedah PIBK adalah cadangan alternatif ke atas proses pengajaran dan pembelajaran Geografi yang lebih sesuai, agar dapat melonjakkan pencapaian markah pelajar ke tahap yang lebih cemerlang sekali gus memupuk kembali minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

Penggunaan kaedah PIBK dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi diharap dapat membantu pelajar untuk mendapatkan ilmu Geografi, sekurang-kurangnya perkara asas dalam mata pelajaran Geografi. Ini berdasarkan kemampuan pelajar sebelum mereka dapat menguasai sepenuhnya kandungan mata pelajaran yang disampaikan oleh guru dan dapat meningkatkan pencapaian markah ujian mereka dalam mata pelajaran ini. Selain itu kepentingan kajian ini juga adalah untuk membantu guru-guru Geografi untuk merancang satu pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk mata pelajaran Geografi demi meningkatkan tahap dan kuantiti pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Menurut Mohd Salleh Lebar (1988), penggunaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan amat diperlukan memandangkan fungsinya sebagai alat kawalan sosial dalam sistem pendidikan.

Apabila kaedah PIBK terbukti berkesan kelak, ini akan membantu guru-guru untuk membuat pilihan alternatif kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk Geografi. Kepelbagaian penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran akan dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Secara tidak langsung, minat pelajar ini akan dapat mempertingkatkan gaya pembelajaran pelajar. Gaya pembelajaran pelajar yang positif dalam mata pelajaran Geografi akan dapat meningkatkan pencapaian markah pelajar dalam mata pelajaran ini. Hasilnya, mata pelajaran Geografi akan dapat dimartabatkan semula.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang mana satu kelas Tingkatan empat yang terlibat dengan menggunakan kaedah biasa, manakala satu kelas lagi akan menggunakan kaedah pembelajaran PIBK. Eksperimen ini dikendalikan oleh pengkaji sendiri. Pengkaji telah menggunakan persampelan kuota yang dilakukan ke atas kumpulan subjek tertentu bagi suatu kajian untuk mendapatkan satu keputusan yang dikehendaki dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas dan persepsi pelajar terhadap penggunaan PIBK dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi. Soalan-soalan ujian pra dan pasca juga disediakan sebagai instrumen untuk melihat pencapaian skor markah pelajar sebelum dan selepas kajian dilaksanakan. Kajian rintis telah dilakukan ke atas semua instrumen sebelum digunakan dalam kajian ini.

Batasan seterusnya ialah dari aspek generalisasi dapatan kajian. Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat kesan pengajaran yang ketara daripada penggunaan kaedah PIBK. Ini disebabkan selepas kajian ini pelajar akan dapat membuat penilaian sama ada kaedah PIBK dapat membantu mereka menguasai mata pelajaran Geografi berbanding sebelum ini. Objektif kajian ini juga hendak melihat sama ada penggunaan Kaedah PIBK dapat meningkatkan skor pencapaian berbanding dengan penggunaan kaedah biasa. Pengkaji ingin melihat sama ada dua kaedah yang berbeza digunakan dalam dua kumpulan berbeza akan menunjukkan perbezaan dalam pencapaian skor pelajar.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual bagi kajian ini dibina untuk menunjukkan perkaitan antara strategi pengajaran dan pembelajaran PIBK sebagai pemboleh ubah bebas dan hasil pembelajaran sebagai pemboleh ubah bersandar. Perbezaan antara kedua-dua strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan itu dinyatakan dalam bentuk ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran yang distrukturkan dalam mata pelajaran Geografi yang terlibat dalam kajian ini. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan adalah pembelajaran PIBK sebagai kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah pembelajaran biasa. Kedua-dua strategi pembelajaran berbeza dari segi bentuk interaksi pelajar sesama pelajar, struktur matlamat, akauntabiliti individu dan struktur tugas. Kedua-dua strategi pembelajaran ini berbeza dari segi kesan terhadap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran yang diukur dalam kajian ini adalah dalam bentuk kognitif. Domain kognitif terdiri daripada prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi. Setelah pelajar diajar dengan menggunakan kaedah PIBK, maka pelajar diminta menyatakan persepsi mereka terhadap kekuatan kaedah ini.

Secara ringkasnya, kerangka konsep bagi kajian ini ditunjukkan pada rajah 1.1. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah PIBK ke atas pelajar tingkatan empat dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi. Penggunaan kaedah PIBK dalam kajian ini, hendak melihat tentang persepsi dan prestasi pencapaian pelajar terhadap Geografi samada pencapaian pelajar meningkat dan pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap kaedah yang digunakan.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual kajian diubahsuai daripada Model Slavin (1994)

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

1.9.1 Kaedah PIBK (Pembelajaran Individu Berbantuan Kumpulan)

PIBK adalah pembelajaran individu berbantuan kumpulan, kaedah ini telah diperkenalkan oleh Slavin (1994). Kaedah ini direka khas untuk kurikulum Matematik namun pengkaji cuba menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi. Kaedah PIBK menggabungkan ganjaran kumpulan dengan satu program arahan untuk individu mengikut kemampuan individu dalam sesuatu kumpulan. Ahli-ahli dalam kumpulan mempunyai daya kognitif yang berbeza-beza. Perbincangan dan tunjuk ajar dalam kumpulan dilakukan kerana mereka dikehendaki saling membantu antara satu sama lain sebelum meminta bantuan daripada guru. PIBK memberikan ganjaran individu dan kumpulan. Kaedah ini lebih efektif kerana menggabungkan motivasi dan bantuan rakan sebaya dengan satu program arahan individu yang selari dengan kebolehan seseorang pelajar (Gagne, 1985).

1.9.2 Pengurusan kaedah PIBK

Pengurusan adalah satu proses merancang, mengelola, memimpin dan pengawal daya ahli-ahli dalam organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Menurut Zaidatol (2002) pengurusan dapat dibahagikan kepada beberapa pendekatan untuk memperkembangkan prinsip pengurusan agar ianya boleh dilaksanakan sistematik. Oleh itu, pengurusan PIBK dapatlah dikatakan sebagai merancang dan mengelola proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah PIBK. Secara tidak langsung, proses ini melibatkan guru sebagai pemimpin pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mengawal tingkah laku pelajar dalam kelas bagi mata pelajaran Geografi. Guru merupakan seorang pengurus di dalam bilik darjah. Guru perlulah bersedia untuk bertindak dan berfikir untuk menghadapi pelbagai situasi yang akan ditimbulkan oleh pelajar (Ab. Aziz Yusof et. al. 2004).

Bagi maksud kajian yang dilakukan, pengkaji akan membuat kajian ke atas kaedah PIBK, seterusnya pengkaji akan menerangkan bagaimana ianya diuruskan dalam mata pelajaran Geografi tingkatan 4 di salah sebuah sekolah di Kota Kinabalu. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkhususkan kepada aspek peningkatan pencapaian akademik dan persepsi pelajar terhadap PIBK semasa pengurusan PIBK dilaksanakan dalam mata pelajaran Geografi.

Dalam kontek ini, guru merupakan seorang pengurus dalam bilik darjah, ia seharusnya bertanggungjawab atas keberkesanan ketika melaksanakan kaedah PIBK. Guru hendaklah melihat serta menilai keberkesanan dan implikasi kaedah PIBK ini setelah dijalankan. Menurut Ab. Aziz Yusof (2004), pengalaman seorang guru terhadap perkara yang dilaksanakannya, samada keputusan positif atau negatif akan menjadi panduan kepada perlaksanaan sesuatu perkara pada masa depan.